

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **12.03.2014**

Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan :-

(a) apakah inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan sebagai bantuan kepada peniaga kecil dan sederhana (SME) bagi mereka dalam menghadapi impak semasa pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST); dan

(b) apakah bentuk perancangan yang akan dilaksanakan untuk memberikan penerangan yang secukupnya kepada rakyat sebelum GST dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi membantu golongan peniaga terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Kerajaan telah mengumumkan langkah-langkah dalam Bajet 2014 seperti berikut:-

- i. kadar cukai pendapatan syarikat korporat dikurangkan satu mata peratus daripada 25 peratus kepada 24 peratus. Bagi syarikat kecil dan sederhana, dikurangkan satu mata peratus daripada 20 peratus kepada 19 peratus;
- ii. mengurangkan kadar cukai pendapatan untuk pendapatan bercukai RM500,000 yang pertama daripada 20% ke 19%;
- iii. Perbelanjaan pembelian peralatan dan perisian ICT diberi Elaun Modal Dipercepatkan;

iv. Perbelanjaan ke atas kos latihan perakaunan dan ICT berkaitan GST diberi potongan tambahan; dan

v. Yuran kesetiausahaan dan pemfailan cukai diberi potongan cukai pada had yang ditetapkan.

Di samping itu, Kerajaan turut menyediakan geran latihan sejumlah RM100 juta ringgit untuk peniaga menjalani latihan (tahun 2013 : RM50 juta; 2014 : RM50 juta) serta bantuan kewangan sebanyak RM150 juta bagi pembelian perisian perakaunan bersubsidi kepada PKS (2014/2015).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program kesedaran dan latihan GST telah dijalankan semenjak tahun 2010 kepada tiga golongan sasaran iaitu pengguna, peniaga dan jabatan Kerajaan. Program penerangan GST kepada pelajar-pelajar sekolah, IPTA dan IPTS serta penduduk kampung juga turut dilaksanakan. Sehingga 28 Februari 2014, sebanyak 4,967 program telah dijalankan dan dihadiri oleh 271,288 orang.

Bagi golongan peniaga yang merupakan kumpulan kritikal dalam pelaksanaan GST, Kerajaan telah merangka dan sedang menjalankan program-program taklimat dan latihan melalui tiga kaedah iaitu sama ada dianjurkan sendiri oleh pihak Kerajaan atau pihak swasta ataupun secara bersama oleh Kerajaan dan pihak swasta.

Bagi aktiviti publisiti, pelbagai saluran media telah dijalankan seperti di akhbar arus perdana, televisyen, radio dan *billboard* serta melalui media sosial seperti *blogspot*, laman web, *twitter* dan *facebook*.